

J Isi tempat kosong dengan kata penguat yang betul. **ASPEK TATABAHASA**

paling sungguh nian benar terlalu sekali

1. Harga sekilogram ikan patin itu _____ mahal.
2. Nelayan itu tidak terangkat kotak yang berisi ikan itu kerana _____ berat.
3. Laiman kesal kerana pendapatan hasil pertaniannya pada tahun ini _____ sedikit.
4. Sangkar penternakan ikan air tawar itu besar _____.
5. Pemandangan di sawah padi indah _____.
6. Ayah suka _____ makan ulam-ulaman.

K Isi tempat kosong dengan kata bantu yang betul. **ASPEK TATABAHASA**

pernah belum sudah hendak mahu akan

Mak Cik Sahara mengajak saya dan keluarga ke kampungnya di Ipoh pada hari Sabtu nanti. Dia _____ membawa kami ke dusun buah-buahannya. Banyak buah di dusunnya yang _____ masak. Saya tidak sabar untuk pergi ke sana. Pemandangan di kampung Mak Cik Sahara sangat cantik. Kami _____ ke sana setahun yang lalu.

Namun begitu, ibu dan ayah _____ membuat keputusan untuk pergi ke sana lagi. Saya pula sudah merancang aktiviti yang _____ saya lakukan di sana nanti. Selain menikmati keenakan buah-buahan, saya _____ menyusuri sungai dengan rakit yang telah disediakan oleh suami Mak Cik Sahara.

SP 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks; (viii) kata penguat (x) kata bantu